

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.06.2025 MASA: 09.30AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MBSP SANTUNI
KOMUNITI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**15 JUN 2025 (AHAD)
9.00 PAGI**

**PERKARANGAN MASJID JAMEK AL-MARBAWI
JALAN MERBAU KUDUNG, SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. Yang Dihormati Encik Zulkipli Bin Ishak

Ahli Majlis MBSP Merangkap Penyelaras Bersama Program MBSP Santuni Komuniti

2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

3. Yang Berusaha TPr Hj Mohd Ridzal Bin Abdul

Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras Majlis Perasmian Program MBSP Santuni Komuniti

4. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai

5. Yang Berusaha Tuan Syed Mahdzor Bin Saiyid Hashim

Pengerusi Masjid Jamek Al-Marbawi, Merbau Kudung

6. Pengerusi & Ahli Jawatankuasa MPKK Kawasan Merbau Kudong

7. Rakan-Rakan Media

8. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita berhimpun pada pagi yang amat bermakna ini bagi **Program MBSP Santuni Komuniti**.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dan sumbangan tidak berbelah bahagi dalam menjayakan program ini khususnya kepada Encik Zulkipli bin Ishak; Ahli Majlis MBSP, wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta serta komuniti tempatan yang hadir pada pagi ini. Kehadiran serta kerjasama padu daripada tuan-tuan dan puan-puan membuktikan bahawa semangat perpaduan dan kebersamaan adalah tunjang kepada kejayaan inisiatif ini..
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) amat tekad melaksanakan inisiatif komuniti yang menyeluruh dan lestari. Program Santuni Komuniti ini merupakan inisiatif kedua MBSP pada tahun 2025 dan Insya-Allah, akan diteruskan ke lokasi-lokasi lain dalam bulan-bulan akan datang sebagai manifestasi komitmen berterusan dalam membina masyarakat yang inklusif dan bersatu.
4. Objektif utama Program ini adalah:

- (a) Pertama, kita bercita-cita untuk memupuk semangat komuniti, di mana setiap individu merasa dihargai dan berperanan dalam pembangunan kawasan masing-masing.
 - (b) Kedua, melalui penglibatan erat antara MPKK, MBSP dan warga setempat, kita berharap jalinan silaturrahim akan semakin erat serta mewujudkan hubungan yang lebih kukuh antara MBSP dan masyarakat.
 - (c) Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk merapatkan perpaduan kaum yang harmoni, serta melestarikan keharmonian dan saling hormat dalam masyarakat berbilang budaya.
 - (d) Selain itu, melalui pelbagai pameran dan aktiviti; termasuk kesihatan, pembangunan hijau dan pameran agensi, kita berhasrat meningkatkan kesejahteraan sosial dan memberi ruang untuk pertukaran input berguna demi memperkayakan komuniti.
5. Pada hari ini, kita dijangka menyaksikan penyertaan aktif seramai 500 orang penduduk dalam pelbagai aktiviti yang bukan sahaja meriahkan suasana, malah mencerminkan nilai kesihatan dan perpaduan masyarakat. Aktiviti seperti:
- (a) Pertandingan mewarna kanak-kanak, membuat kerabu kerang dan gubahan tuala bersambung dengan Sukaneka Rakyat, akan merapatkan interaksi antara generasi.

- (b) Saringan kesihatan percuma (glukosa, kolesterol dan pergigian) bersama program *Wellness On Wheel* menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan secara langsung.
- (c) Kehadiran Kaunter Bergerak MBSP, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Perpustakaan Bergerak (PPAPP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Tabung Haji akan dapat memudahkan urusan rasmi penduduk.
- (d) Sementara itu, Pameran Upcycle MBSP, pemeriksaan mata oleh GF Eyewear, pameran jentera Bomba serta perkhidmatan Zakat Pulau Pinang dan Unit Kerja Sosial Perubatan boleh memperkasakan usaha komuniti.
- (e) Aktiviti jualan seperti minyak masak terpakai dan Jualan Rahmah membuka ruang bagi bantuan ekonomi kepada warga setempat.

Keseluruhan aktiviti ini membentuk platform untuk integrasi kesihatan dan sokongan sosial secara menyeluruh dalam ruang komuniti.

6. Saya juga ingin menyentuh betapa program ini menggambarkan pepatah Melayu:

“Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.”

Ungkapan ini mengingatkan kita bahawa kekuatan komuniti terletak pada penyatuan setiap individu. Semoga nilai ini kita jadikan panduan

hidup, agar masyarakat kita terus hidup dalam keharmonian, saling menghormati dan menyokong antara satu sama lain.

7. Saya amat berharap agar program ini akan memberikan impak positif kepada setiap individu dan keluarga dengan menyediakan akses perkhidmatan dan aktiviti yang benar-benar berfaedah. Saya percaya program ini akan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan aktiviti komuniti yang lebih konsisten dan menyeluruh di seluruh Seberang Perai. Yang paling penting, usaha ini dapat membina semangat kepedulian dan kerjasama antara masyarakat dengan Pihak Berkuasa Tempatan.
8. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Program MBSP Santuni Komuniti**. Semoga program ini memberi sinar perpaduan dan kesejahteraan kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.